

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 57

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bidang kuasa bagi penubuhan Jawatankuasa Khas Ekonomi dan aktiviti yang dijalankan untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada sektor komoditi.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada mengalami kesan ketidaktentuan ekonomi dunia, antara lain kejatuhan harga komoditi terutamanya harga minyak mentah dunia dan kelembapan ekonomi China. Berdepan dengan ketidaktentuan kedudukan global semasa dan peri pentingnya tindakan yang lebih responsif menangani impaknya kepada ekonomi negara, Kerajaan sentiasa memantau kedudukan ekonomi dunia agar langkah-langkah pro-aktif sewajarnya dapat diambil. Dalam memastikan ekonomi Malaysia stabil dan kekal berkembang, Kerajaan telah menukuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) pada 26 Ogos 2015 yang dianggotai oleh ahli korporat dan pegawai tinggi Kerajaan.

JKE merupakan badan penasihat kepada Kerajaan bagi meneliti isu-isu semasa dan merangka langkah serta strategi jangka pendek dan sederhana untuk menangani ketidaktentuan ekonomi serta mengurangkan impak negatifnya ke atas kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Tiga bidang tugas utama JKE adalah untuk:

1. Mempertimbangkan perancangan serta-merta dan jangka sederhana sebagai tindakan untuk menstabilkan nilai ringgit, mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan dan mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi Malaysia;

2. Merangka dan memantau strategi jangka pendek dan pelan tindakan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan; dan
3. Mengenal pasti isu dan masalah lain yang menghalang pertumbuhan ekonomi serta merangka langkah-langkah penyelesaian yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua,

Lanskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang mencabar pada masa ini akan terus menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi prospek pertumbuhan ekonomi negara. Pada masa ini, harga komoditi terutamanya minyak mentah yang berada di sekitar US\$30-45 setong dijangka akan berada pada paras sederhana buat masa yang lebih lama. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi dunia juga menunjukkan kadar yang lebih perlahan. Walaupun ekonomi negara dan hasil Kerajaan tidak lagi terlalu bergantung kepada komoditi minyak mentah, namun Kerajaan telah menggariskan beberapa langkah untuk terus mempelbagaikan lagi sumber ekonomi bagi memastikan ekonomi negara kekal berdaya tahan.

Tumpuan akan diberikan bagi menggalakkan pertumbuhan yang didorong oleh permintaan dalam negeri terutamanya penggunaan dan pelaburan swasta. Strategi jangka pendek melalui langkah proaktif yang telah diumumkan pada 14 September 2015 hasil perbincangan JKE dan langkah-langkah tambahan di bawah pengubahsuaian Bajet 2016 seperti pengurangan kadar caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 3 peratus, pelepasan khas cukai RM2,000 kepada individu berpendapatan RM8,000 sebulan ke bawah dan meneruskan

pemberian bantuan tunai bersasar (BR1M) adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan penggunaan swasta.

Bagi memacu pelaburan dalam negara, syarikat berkaitan pelaburan kerajaan dan syarikat swasta digalakkan untuk menzahirkan keuntungan daripada pelaburan mereka di luar negara dengan melabur di dalam negara, terutamanya dalam projek yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi. Selain itu, bagi mengurangkan pergantungan kepada sektor pertanian dan perlombongan supaya tidak terdedah kepada tekanan harga komoditi yang tidak stabil, Kerajaan telah menggalakkan peralihan pelaburan daripada industri huluan kepada industri hiliran bagi kedua-dua sektor ini. Sokongan juga diberikan kepada pelaburan untuk meningkatkan penggunaan automasi dalam sektor pembuatan serta peralihan kepada pengeluaran produk yang lebih kompleks dan pelbagai serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Bagi mengimbangi tekanan terhadap penyederhanaan permintaan sektor luar terutamanya eksport komoditi pula, tumpuan diberi untuk meningkatkan eksport perkhidmatan bernilai tinggi dan berintensif pengetahuan seperti perkhidmatan kewangan Islam, perkhidmatan minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, industri halal dan perkhidmatan profesional. Di samping itu, Kerajaan juga memberi lebih tumpuan kepada sektor pelancongan domestik seperti membenarkan pelancong dari China tanpa visa untuk ke Malaysia bagi tempoh tertentu.

Sekian, terima kasih.